



Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 ( 42 )

Tarikh : 5 Disember 2019

**Semua Pengarah Pendidikan**  
**Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

***SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA***  
***BILANGAN 14 TAHUN 2019***

**PENJENAMAAN SEMULA BENGKEL KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU KEPADA  
BENGKEL REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan tentang penjenamaan semula Bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu kepada Bengkel Reka Bentuk dan Teknologi (RBT).

2. Mata pelajaran RBT diperkenalkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi menggantikan Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) bermula tahun 2017 secara berperingkat-peringkat dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) RBT memerlukan bengkel yang mempunyai spesifikasi seperti mata pelajaran KHB. Sehubungan dengan itu, Bengkel KHB sedia ada perlu dijenamakan semula mengikut kesesuaian kandungan dan hasrat kurikulum mata pelajaran RBT.

3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.30/2019 bertarikh 22 Ogos 2019 telah meluluskan penjenamaan semula Bengkel KHB kepada Bengkel RBT. Penjenamaan semula bengkel KHB kepada Bengkel RBT adalah seperti yang berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Bengkel KHB</b>	<b>Bengkel RBT</b>
i.	Bengkel Kerja Kayu dan Logam	Bengkel Pembuatan
ii.	Bengkel Elektrik dan Elektronik	Bengkel Elektrik dan Elektronik
iii.	Bengkel Kerja Paip	Bengkel Pertanian
iv.	Bilik Masakan	Bilik Masakan
v.	Bilik Jahitan	Studio Reka Bentuk
vi.	Bilik Pengurusan Diri	Tiada

5. Peralatan dan perkakasan sedia ada dalam bengkel-bengkel tersebut perlu dikekalkan. Walau bagaimanapun, bagi Bilik Pengurusan Diri serta perkakasan di dalamnya, diserahkan kepada pihak sekolah untuk ditadbir urus mengikut keperluan semasa sekolah.

6. Surat siaran ini berkuat kuasa daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

7. YBhg. Datuk/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**Dr. AHMAD RAFEE BIN CHE KASSIM**

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Sekolah)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Ketua Nazir Sekolah  
Jemaah Nazir
10. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia